

# Tahun baharu semangat baharu



## BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaiton.mohamad@yahoo.com

UB 8.1.14 83  
SYUKUR alhamdulillah kita sebagai hambaNya masih diberikan peluang untuk melangkah ke 2014. Sedar atau tidak kita telah berjaya untuk melangkah ke tahun baharu 2014. Minggu pertama tahun baharu telah berlalu dan terasa begitu cepat peredaran masa. Kejayaan dan kegagalan pada 2013 telah menjadi memori dan terpahat dalam ingatan alam tidak sedar.

Keadaan ini akan dapat memberi ruang kepada diri untuk bermuhasabah dan bersedia memulakan formula baharu bagi mencapai ke destinasi yang dituju pada 2014. Pelbagai memori tahun sebelumnya sudah tentu mengamit kenangan namun selalunya memori duka yang sering difokuskan. Memori duka selayaknya dilihat sebagai

pencetus kepada inspirasi dalam membentuk kerja yang lebih berkualiti. Kualiti bukan sekadar dilihat daripada kemahiran petah berbicara, malah dilihat sejauhmana keberhasilan output yang dicapai. Dengan cara itu sahaja akan dapat meningkatkan produktiviti sesebuah organisasi.

Ramai insan melihat kegagalan dalam mencapai target pada tahun sebelumnya sebagai sesuatu yang amat mendukacitakan. Namun ada juga yang tidak mempunyai apa-apa perasaan pun. Namun ada juga segelintir merasakan memori 2013 wajar dilupakan untuk selama-lamanya. Terutamanya golongan yang menjadi mangsa jenayah, penipuan, bencana alam, kemalangan dan sebagainya. Keadaan itu akan mencetuskan keinginan untuk mendepani 2014 dengan penuh semangat dan keberanian. Bagi golongan yang tidak mahu tampil ke depan akan mula menonjolkan diri supaya lebih dikenali dan mengubah suasana hidupnya untuk lebih

ceria dan bersedia memikul semua tanggungjawab yang diberi. Lantaran itu kesedihan yang dialami sepanjang 2013 akan mula dilupakan dan akan digantikan seperti frame yang lama digantikan dengan frame yang baharu yang lebih fleksibel dalam mengatur dan mengurus hidupnya untuk lebih berani menyuarakan idea dan pandangan.

Adalah tidak mustahil tindakan tersebut berlaku secara drastik kerana corak pemikiran seseorang berupaya untuk membuat perubahan selepas diprogram dan diikuti dengan disiplin yang dipatuhi seperti kata pepatah 'fast action fast income.' Keadaan ini akan berkekalan selepas mengambil masa yang ditentukan oleh minda dan dicanai pula dengan sikap yang positif untuk mengubah diri maka adalah tidak mustahil untuk seseorang itu lebih berjaya dalam bidang yang diceburi. Lantaran itu untuk mengekalkan prestasi dan momentum perubahan berkenaan

pelbagai faktor akan saling berkait rapat antaranya ahli keluarga, sahabat handai, rakan-rakan dan juga masyarakat yang berhubung dengannya. Sekiranya tidak mempunyai disiplin diri dan semangat keberanian yang tinggi maka semuanya boleh lebur dalam sekelip mata.

Dalam Islam juga menggalakan berlakunya penghijrahan sekiranya seseorang itu tidak dapat mengembangkan bakatnya, tidak terdapat pengembangan kerjayanya, tidak mempunyai pertambahan ilmu pengetahuan dan sebagainya. Tidak salah sekiranya mencuba membuat transformasi diri untuk lebih menggilap bakat yang selama ini 'suaranya' tidak dikenali malah tidak pernah diterima dalam membuat sebarang keputusan mustahak. Menurut Stephen R. Covey juga dalam mengatur kehidupan didunia ini seseorang itu perlu juga mempunyai kuasa dalam suaranya untuk didengar dan digunapakai

dalam sesebuah organisasi namun ia perlu dibuktikan dengan keberhasilan hasil kerjanya yang menguntungkan sesebuah organisasi bukan sekadar melakukan tugas yang penuh dengan konstraversi dan untuk menutup kelemahan pula bijak memutarbelitkan fakta sehinggakan menjatuhkan seseorang yang lain. Mungkin kaedah itu sesuai untuk hidup di dunia namun yang kekal abadi akan tetap dihitung dan dihisab. Lantaran itu dalam mengatur hidup biarlah berpada-pada, mengaibkan orang jangan sekali, begitu juga dalam mencari rezeki, keuntungan, kenaikan pangkat, pengembangan kerjaya, penambahan ilmu pengetahuan biarlah melalui jalan yang suci dan diredhai Illahi. Sesungguhnya hidup, mati dan rezeki yang halal semuanya di tangan Allah. Cuma sebagai manusia perlu akur dan berikhtiar untuk menjadi penerima yang baik dan pemberi yang cemerlang.

Ini disebabkan dengan adanya sifat dan sikap yang penuh dengan tamak haloba, maka seseorang itu akan dibenci dan tidak mustahil ia akan dicaci kelak. Ada pepatah orang tua-tua mengatakan perubahan dalam hidup secara drastik samada kekayaan, kemiskinan, kenaikan pangkat, mengalami bencana seperti kebakaran, kemalangan dan sebagainya merupakan ujian yang tidak dizahirkan dengan mata kasar. Justeru itu adalah lebih baik sekiranya kita hidup secara bersederhana dan mensyukuri apa yang diberikan Allah kepada diri dari sudut kesihatan yang baik, ahli keluarga yang harmoni, sahabat yang setia dan sebagainya, takut-takut hidup kita akan lebih takbur dan bermegah diri sehinggakan Allah kembali melaknati hambanya yang memilki sifat-sifat sebegitu.

*\*Penulis adalah Pegawai Psikologi Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Sabah*